

DOCX.MY **BERITA ONLINE ANDA!**

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan, Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

 www.docx.my



RM200 JUTA SUBSIDI AYAM, Telur Sebulan Bermula Julai



SUBSIDI SERTA KAWALAN HARGA AYAM DAN TELUR DITERUSKAN



Kerajaan telah mengalokasikan RM200 juta setiap bulan untuk melanjutkan pemberian subsidi terhadap ayam dan telur bermula pada 1 Julai yang akan datang. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, menyatakan bahawa usaha ini diambil kira bebanan yang masih ditanggung oleh rakyat yang memerlukan bantuan kerajaan.

"Kami bersedia untuk terus memberikan subsidi ini demi memastikan rakyat dapat membeli ayam dan telur dengan harga yang terkawal oleh kerajaan. Terlebih lagi, rakyat masih menghadapi kenaikan kos sara hidup pada masa ini," katanya ketika berucap dalam sidang media pada hari Sabtu.

Sebelum itu, beliau telah merasmikan Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) dan Menu Rahmah di Pasar Besar Siti Khadijah di Kota Bharu. Turut hadir adalah Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh, dan Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail.

Beliau menegaskan bahawa tindakan ini juga menepis desas-desus yang menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk menghentikan pemberian subsidi tersebut. Beliau menjelaskan bahawa seperti yang biasa berlaku, bajet setiap kementerian pada tahun sebelumnya akan berakhir pada 30 Jun ini.